

## KERATAN AKHBAR

JUDUL : Utusan Malaysia Online

TARIKH : Isnin, 11 Mac 2019



### **RM10,000 menanti pemenang Video Pendek u-Pustaka**

Nur Izzati Izzah Nadzi

11 Mac 2019 6:17 PM



RM10,000 menanti peserta yang berbakat serta pertandingan Video Kreatif u-Pustaka. -  
UTUSAN ONLINE

KUALA LUMPUR 11 Mac - Wang tunai keseluruhan berjumlah RM10,000 menanti peserta berbakat yang menyertai pertandingan Video Kreatif u-Pustaka.

U-Pustaka dalam laman Facebook memaklumkan, pihaknya memberi peluang kepada lebih penyertaan bagi pertandingan ini.

“Atas permintaan ramai, pihak pengurusan Perpustakaan Negara Malaysia, Konsortium u-Pustaka dan Jawatan kuasa Pelaksana pertandingan ini melanjutkan tempoh penyertaan sehingga 31 Mac depan,” katanya.

Maklumat lanjut, boleh layari [www.u-pustaka.gov.my](http://www.u-pustaka.gov.my) atau rujuk poster yang disiarkan.

Peserta juga boleh memuat turun imej poster dan borang permohonan pertandingan di laman web u-Pustaka. - UTUSAN ONLINE